

13 MAR 1997

Cuepacs-Memorandum

LAPORAN MEMORANDUM CUEPACS SIAP HUJUNG BULAN INI

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dijangka menyiapkan laporan berhubung empat memorandum Cuepacs termasuk mengenai permintaan menaikkan imbuhan tetap perumahan kakitangan awam menjelang hujung bulan ini.

Setiausaha Agung Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata Cuepacs diberitahu oleh JPA bahawa laporan itu kini di peringkat hampir siap dan akan disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pertimbangan kerajaan.

"Kita harap laporan tersebut akan siap segera dan kerajaan memberikan keputusan yang baik kepada permintaan kakitangan awam," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Cuepacs di sini hari ini.

Cuepacs telah menghantar empat memorandum kepada JPA pada 10 Jan lepas selaras dengan arahan Perdana Menteri dalam satu pertemuan pada hujung Oktober lepas.

Memorandum lain adalah mengenai formula baru pencen, Persyarikatan Malaysia dan jadual gaji matriks.

Cuepacs telah meminta dinaikkan imbuhan perumahan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan kepada RM230. Kumpulan Pengurusan dan dan Profesional kini menerima RM110 manakala Kumpulan Sokongan mendapat RM90.

Siva Subramaniam juga berkata kerajaan harus memberikan tumpuan kepada menyediakan lebih banyak kuarters kerajaan bagi kakitangan awam sebagai alternatif jika permintaan sekarang tidak dapat dipenuhi dan juga kerana kuarters kerajaan semakin banyak dirobuhkan bagi tujuan pembangunan.

Ketika ditanya sama ada JPA memanggil Cuepacs bagi sebarang perbincangan dalam proses menyiapkan laporan itu, beliau berkata Cuepacs tidak diminta berbuat demikian.

"Ini menunjukkan memorandum kita lengkap, teliti dan jelas," katanya.

Beliau juga membangkitkan kebimbangan Cuepacs mengenai kenaikan kos rawatan perubatan yang semakin membebankan kakitangan awam dan berkata Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng secepat mungkin mengenai perkara ini.

Siva Subramaniam berkata terdapat kes kakitangan kerajaan yang bersara secara pilihan kini terpaksa membayar kos rawatan apabila mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dan kemudiannya terpaksa menuntut balik bayaran tersebut daripada kerajaan walaupun mereka seharusnya tidak perlu berbuat demikian.

Siva Subramaniam yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata kesatuan itu akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pendidikan Sabtu ini berhubung permintaan guru-guru untuk bersara secara pilihan pada umur 40 tahun, sama seperti yang diberi kepada kakitangan awam yang lain.

Pada masa sekarang umur bersara secara pilihan bagi guru lelaki ialah 50 tahun manakala bagi guru wanita ialah 45 tahun. Kakitangan awam yang lain kecuali jururawat dibenarkan bersara secara pilihan pada usia 40 tahun.

"Terdapat ramai guru yang tidak berminat langsung untuk mengajar dan ingin bersara secara pilihan tetapi tidak dapat berbuat demikian dan perkara ini boleh

menjejaskan kualiti pendidikan negara," kata beliau.

Siva Subramaniam juga berkata Cuepacs telah diberi peluang menyertai rombongan galakan pelaburan dan perdagangan anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tahun ini dan peluang ini akan digunakan bagi

meningkatkan lagi imej Malaysia di luar negara sebagai sebuah negara yang sesuai bagi iklim pelaburan.

Beliau berkata Cuepacs akan menubuhkan sebuah Yayasan Pendidikan hasil kutipan daripada penjualan kaset rakaman nyanyian untuk tujuan kebajikan dan pendidikan ahli-ahlinya. Untuk tujuan itu Cuepacs sedang mengadakan uji bakat "Suaramas Cuepacs" di seluruh negara.

Pengarah Urusan Mega Records yang menerbitkan kaset tersebut, Jo Ahmad Jamad berkata syarikat itu menjangka dapat menjual sebanyak 300,000 kaset. Orang ramai boleh mengambil bahagian dalam uji bakat itu dengan menghubungi Mega Records di talian 03-8363237. -- BERNAMA

RV MAI